

Empower Boot Camp jana jati diri murid

SINAR HARIAN (SENTRAL) 30/9/17 (SABTU) M/S 38

PEKAN - Program Empower Boot Camp 2017 memberikan peluang kepada 165 murid terpilih dari daerah Kuantan dan Pekan untuk membina jati diri mereka menerusi aktiviti yang dijalankan sepanjang dua hari satu malam.

Kem usahasama antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berlangsung di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Semarak, Tanjung Pekan, di sini disertai pelajar berusia 12 tahun.

Bagi murid Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan (SK) Simpai, Elly Muizein, dia gembira kerana dapat menyertai kem tersebut yang disifatkan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik.

Menurutnya, aktiviti ren-



Sebahagian peserta yang terlibat sepanjang kem itu berlangsung bergambar kenangan selepas majlis perasmian penutup kem itu.

tas halangan dianggap amat seronok buat dirinya selain teruja dapat mengenali rakan-rakan baru.

Reaksi sama turut dikongsi murid SK Gambang, Mohd Huzairi Abdul Hadi yang mahu kem seperti itu dapat dijalankan lagi kerana

dianggap banyak memberikan manfaat buat dirinya.

Mereka antara sebahagian peserta yang ditemui selepas majlis perasmian penutup kem yang disempurnakan Adun Peramu Jaya, Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali di sini, Selasa lalu.

Hadir sama, Pengurus Pejabat Wilayah Negeri, Muzarir Karnain Mahmood Kamsani, Penolong Pengarah (Sektor Akademik) Jabatan Pendidikan Pahang, Profesor Madya Dr Mohd Rashid Ab Hamid dan Pengawai Pendidikan Daerah Pekan,

Tajuddin Mohd Yunus.

Program bootcamp itu khusus buat murid yang telah menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2017 sebagai persediaan awal melangkah ke sekolah menengah dan meningkatkan keyakinan diri memasuki alam remaja.



ELLY MUIZEIN



MOHD HUZAIRI